

03/02/2025

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Pemberitahuan Awam: MSPO Penilaian Persijilan Untuk Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item, Genting Oil Mill Sdn Bhd, Ayer Hitam, Johor, Malaysia

Genting Oil Mill Sdn Bhd telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan MSPO Penilaian Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item di bawah Syarikat Induk Genting Plantations Berhad. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit		
Nama		Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item
Kapasiti Kilang (ton/jam)		60 MT/jam
Alamat/Lokasi		Batu 54, Jalan Johor, 86100 Ayer Hitam, Johor, Malaysia
Rujukan GPS	Latitude/Garis lintang	001° 51' 24.15" N
	Longitude/Garis Bujur	103° 12' 35.96" E

Ladang Sawit					
Ladang	Alamat/Lokasi	Rujukan GPS		Kawasan ditanam (Ha)	Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)
		Latitude/ Garis lintang	Longitude/ Garis bujur		
Ladang Genting Kulai Besar MPOB Lesen No.: 508591102000, 508595302000, 540060011000	No. 1213-1215, Jalan Kasturi 36/45, Indahpura, 81000 Kulai, Johor, Malaysia	001° 36' 55.33" N	103° 36' 39.56" E	2,024.10	2,666.45
Ladang Genting Sri Gading MPOB Lesen No.: 508592902000, 508842111000, 524435102000	Jalan Bt Pahat - Kluang, KM 12, Sri Gading, 83009 Bt Pahat, Johor, Malaysia	001° 50' 21.10" N	103° 01' 05.20" E	3,219.18	3,529.20
Ladang Genting Sungei Rayat MPOB Lesen No.: 508590202000, 501298102000	Jalan Sri Gading - Pt Yaani, KM 5, Sri Gading, 83009 Bt	001° 54' 14.54" N	103° 00' 38.48" E	2,300.78	2,380.44



Ladang Sawit					
Ladang	Alamat/Lokasi	Rujukan GPS		Kawasan ditanam (Ha)	Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)
		Latitude/ Garis lintang	Longitude/ Garis bujur		
	Pahat, Johor, Malaysia				
Ladang Genting Tanah Merah MPOB Lesen No.: 538065011000, 559916701000, 611773002000, 609122002000, 513814002000, 617898021000	Jalan Tangkak - Segamat, KM 3, 84907 Tangkak, Johor, Malaysia	002° 16' 53.93" N	102° 33' 37.18" E	2,034.63	2,242.05
Ladang Genting Tebong MPOB Lesen No.: 501803202000, 539822011000, 501667602000, 501866102000	Jalan Tebong - Batang Melaka, KM 4, 76460 Tebong, Melaka, Malaysia	002° 27' 20.05" N	102° 21' 38.44" E	2,845.51	3,015.93
Jumlah Luas Ladang				12,424.20	13,834.07

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan Penilaian Persijilan bagi Kilang Kelapa Sawit Genting Ayer Item pada 11/03 hingga 14/03/2025. Pelaksanaan persijilan ini akan diadakan mengikut standard:

- ☒ Part 4-1 Palm Oil Mill Including Supply Chain Requirements
- ☒ Part 3-2 Oil Palm Plantation (more than 500Ha)
- ☐ MSPO Standards Series

Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2022 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan Penilaian Persijilan ini terdiri daripada:

Nama	Peranan/ Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohamed Hidir bin Zainal Abidin	Ketua Juruaudit Aspek sosial dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak	- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia.

	asasi manusia, penilaian impak dan polisi, rantai bekalan untuk kilang sawit	- Mempunyai pengalaman bekerja selama 7 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri kelapa sawit, 5 tahun khusus dalam pengilangan kelapa sawit. - Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO dan RSPO di badan pensijilan sebelumnya. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, Latihan MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Fahmi bin Othman	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, rantai bekalan untuk kilang sawit	- Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Biologi Industri, Universiti Teknologi Malaysia, 2010. - Beliau mendapat pendedahan kerja dalam sektor perladangan, berkhidmat sebagai Penolong Pengurus dengan syarikat perladangan yang menguruskan operasi perladangan harian sebelum bertindak sebagai Pegawai Kelestarian selama 4 tahun. Dalam kerjayanya, Fahmi telah mengumpul lebih 9 tahun pengalaman pelaksanaan kemampunan termasuk kebajikan pekerja, pekerjaan pekerja, kesihatan & keselamatan, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di kawasan penampunan dan pelan pengurusan penambahbaikan berterusan. Sebelum menyertai BSI, beliau adalah juruaudit untuk badan pensijilan tempatan lain yang berpengalaman dalam Audit Pensijilan MSPO dan PEFC. - Berjaya menamatkan Kursus Juruaudit Utama ISO 9001 & ISO 45001, MSPO 2530:2013, RSPO P&C, RSPO SCCS dan Akauntabiliti Sosial (SA8000).
Mohamad Amirul Saifullah bin Mohamad Senan	Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, rantai bekalan untuk kilang sawit	- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dari Universiti Putra Malaysia. - Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 6 tahun dalam operasi ladang kelapa sawit, pertanian, keselamatan dan bidang berkaitan kesihatan. Beliau telah berkhidmat dengan sebuah organisasi perladangan yang disenaraikan secara terbuka sejak 2012.

		- Bertanggungjawab dalam penyeliaan dan pemantauan untuk memastikan semua operasi ladang mematuhi keperluan dan peraturan RSPO, ISCC dan MSPO, amalan pertanian baik dan prosedur operasi standard yang lain. - Mempunyai pengetahuan yang baik di lapangan dalam sektor minyak sawit seperti asas industri mengenai amalan pertanian yang baik, amalan pengurusan terbaik, kemampanan, isu sosial dan OHS (dalam isu kebajikan pekerja dan perkara sosial seperti terma pekerjaan, isu jantina, kebajikan pekerja dan sebagainya), hal alam sekitar (kawalan pencemaran, pemuliharaan sumber). - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, dan Social accountability (SA8000).
--	--	--

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- *Free, Prior and Informed Consent*
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah, Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.



Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
 Alamat:
 Emel:
 Nombor Telefon:
 Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengarah

Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan

En. Azrul Wan Azizan
 BSI Services Malaysia Sdn Bhd
 Level 29, The Gardens North Tower
 Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
 Tel : +60 3 2081 3311
 Faks : -
 Emel : Azrul.WanAzizan@bsigroup.com

DAN / Auditee:

ATAU

En. Sivaji Raja Palanisamy
 Genting Plantations Berhad
 10th Floor, Wisma Genting
 Jalan Sultan Ismail
 50250 Kuala Lumpur
 Wilayah Persekutuan, Malaysia
 Tel : +603 2333 3082
 Faks : +603 2161 6149
 Emel : sivaji.palanisamy@gentingplantations.com

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

.....

Azrul Wan Azizan
 Pengarah
 Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan